

Kedutaan Indonesia di Malaysia melawat UniMAP



UniMAP berasa berbangga apabila menerima kunjungan hormat daripada Konsul Jeneral Republik Indonesia di Pulau Pinang. Lawatan ini telah diketuai oleh Konsul Jeneral Republik ini dan disertai oleh lebih kurang 10 orang staf yang lain. Lawatan ini bertujuan memperkuatkkan dan mempereratkan lagi hubungan di antara UniMAP dan juga kedutaan ini.

UniMAP sekarang mempunyai 6 orang pelajar pra-siswazah yang mengikuti program kejuruteraan komputer dan perhubungan dan kejuruteraan perniagaan. Di samping itu, UniMAP mempunyai lebih kurang 22 orang pelajar Indonesia bagi program pasca siswazah iaitu 19 orang pelajar PhD dan 3 orang pelajar MsC.

Selain daripada itu, UniMAP juga mempunyai sebilangan memorandum persefahaman dengan beberapa buah universiti di Indonesia. Antaranya Universitas Trisakti, Institut Pertanian Bogor, Universitas Negeri Semarang, Institut Teknologi Bandung, Universitas Sumatera Utara dan banyak lagi. Kesemua MoU ini aktif dengan pengisian pelbagai bidang kerjasama di antara universiti seperti program IMT-GT, pertukaran pelajar, program pasca siswazah oleh pensyarah daripada universiti di Indonesia, program akademik dan penyelidikan.

Pihak Kedutaan Indonesia menyampaikan rasa kagum dan berbesar hati dengan pencapaian UniMAP serta jalinan kerjasama dengan universitas-universitas di Indonesia.